

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ANYI NGAU [BARAM]

TARIKH : 17 JUN 2015

RUJUKAN : 7980

SOALAN:

Tuan Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha Kementerian untuk menyelesaikan isu ketiadaan dokumen pengenalan diri di kalangan penduduk di pedalaman Baram dan jumlah permohonan dokumen pengenalan diri dari kawasan ini yang telah diterima dan diluluskan semenjak 5 tahun lalu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah meningkatkan sistem penyampaiannya kepada penduduk pedalaman di negeri Sarawak dengan pengwujudan Unit Khas Bergerak (UKB) sejak tahun 2004. Pada tahun 2009, dua (2) unit pasukan Unit Khas Bergerak telah ditempatkan di daerah Miri yang memberikan perkhidmatan kepada penduduk pedalaman di sekitarnya termasuk penduduk di kawasan Baram.

Bagi permohonan kad pengenalan yang diterima melalui Unit Khas Bergerak, Jabatan Pendaftaran Negara sentiasa mempermudah urusan permohonan dengan membantu pemohon untuk mengisi borang permohonan, menyediakan perkhidmatan fotostat dokumen sokongan, mengambil foto secara percuma dan mengecualikan bayaran fi kepada pemohon yang tidak berkemampuan.

Seterusnya, permohonan kad pengenalan yang telah lengkap akan diterima dan diproses berdasarkan kepada kelayakan pemohon. Dalam hal ini, keputusan permohonan akan dimaklumkan kepada pemohon melalui kaedah-kaedah berikut:-

- i. surat keputusan permohonan dihantar kepada pemohon dengan kerjasama Pejabat Residen dan Daerah melalui pemimpin masyarakat yang terlibat;**
- ii. melalui operasi Unit Khas Bergerak seterusnya yang diadakan di kawasan berkenaan;**
- iii. melalui operasi Unit Khas Bergerak dengan tujuan penyerahan dokumen kepada pemohon; dan**
- iv. menghantar kad pengenalan siap ke pejabat Jabatan Pendaftaran Negara yang berdekatan dengan tempat tinggal pemohon.**

Sehingga kini, perkhidmatan Unit Khas Bergerak telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pemohon dan berjaya membantu penduduk di kawasan pedalaman mendapatkan dokumen pengenalan diri. Perkhidmatan ini juga dapat mengatasi masalah ketiadaan dokumen pengenalan diri di kalangan penduduk negeri Sarawak.

Oleh itu, sebanyak 616 operasi Jabatan Pendaftaran Negara Bergerak telah dijalankan di Sarawak dari tahun 2011 sehingga 30 April 2015. Dalam hal ini, sebanyak 24,392 permohonan dokumen pengenalan diri telah diterima oleh Unit Khas Bergerak Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, operasi tersebut turut meliputi kawasan Baram yang melibatkan 87 operasi dengan 6,623 permohonan dokumen pengenalan diri yang terdiri daripada urusniaga kelahiran dan kad pengenalan bagi tempoh yang sama. Daripada jumlah permohonan tersebut, sehingga 27 Mei 2015, sebanyak 6,090 permohonan telah diluluskan manakala 100 permohonan lagi masih dalam proses atau siasatan (*inquiry*).